

BAB

KEDOUR

BAB KEDUA

PERUNTUKAN, PROSEDUR DAN STATISTIK POLIGAMI DI DAERAH KUALA TERENGGANU

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan disentuh mengenai peruntukan poligami dalam Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam, Terengganu (selepas ini disebut EUPKIT). Huraian-huraian ini akan dibincangkan secara perbandingan dengan undang-undang poligami di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 (selepas ini disebut Akta Wilayah). Ia bertujuan untuk melihat secara kasar perbezaan undang-undang poligami di Terengganu dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Wilayah Persekutuan diambil sebagai sampel perbandingan memandangkan terdapat banyak persamaan dalam peruntukan undang-undang poligami antara kebanyakan negeri-negeri lain di Malaysia dengan Wilayah Persekutuan. Perbincangan seterusnya akan merangkumi persoalan-persoalan tentang prosedur poligami dan statistik poligami di Daerah Kuala Terengganu.

2.2 Peruntukan Poligami dalam Enakmen Undang-Undang Pentadbiran

Keluarga Islam, Terengganu

Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam, Terengganu (EUPKIT) telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 5 Disember 1985 dan diwartakan pada 1 Januari 1987¹¹⁸. Bagaimanapun pemakaianya berkuatkuasa pada selepas 26 Mac 1986 iaitu tarikh warta Enakmen Pentadbiran Hal-Ehwal

¹¹⁸Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam, Terengganu (Bil.12/1985).

Agama Islam 1986 Terengganu¹¹⁹. Semenjak itu perlaksanaan dan pentadbiran EUPKI T adalah berdasarkan kepada undang-undang di atas.

EUPKIT ini mengandungi 133 seksyen terdiri daripada sepuluh bahagian yang membincarkan soal perkahwinan, pendaftaran perkahwinan, pembubaran perkahwinan, nafkah isteri, anak dan orang-orang lain, penjagaan, pelbagai kesalahan serta hukuman dan bahagian am. Antara objektif utama perlaksanaan EUPKIT ialah:¹²⁰

- a. Memastikan urusan kekeluargaan umat Islam dibuat mengikut kehendak al-Quran dan al-Sunnah.
- b. Memastikan pentadbiran dan pengurusan kekeluargaan Islam dibuat dengan kemas dan teratur.
- c. Meningkatkan kualiti cara hidup berkeluarga umat Islam.

Bersesuaian dengan objektif di atas, salah satu peruntukan undang-undang yang terdapat di bawah EUPKIT adalah mengenai undang-undang poligami.

EUPKIT telah memperuntukkan bahawa setiap permohonan untuk berpoligami mestilah mendapat kebenaran bertulis dari Mahkamah Syariah ataupun Hakim Syar'i, sebagaimana yang disebut:¹²¹

Tiada seseorang lelaki boleh berkahwin dengan seseorang perempuan lain di mana-mana tempat dalam masa dia masih beristerikan isterinya yang sedia ada kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis dari Hakim Syar'i.

¹¹⁹Syaikh Harun b. Syaikh Ismail (1998), "Perlaksanaan Dan Pentadbiran Undang-Ungang Keluarga Islam Di Terengganu" (Muktamar Wanita Terengganu Kali Kedua, 11 Julai 1998), h. 1.

¹²⁰Ibid.

¹²¹Seksyen 21, Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam, Terengganu (Bil. 12/1985).

Peruntukan di atas telah memberikan kuasa yang lebih kepada Hakim Syar'i dalam memberikan kebenaran dan meluluskan permohonan berpoligami. Justeru itu sebarang permohonan untuk berpoligami mestilah mendapat kebenaran mahkamah terlebih dahulu.

Namun begitu, terdapat sedikit perbezaan antara undang-undang poligami di Terengganu dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Umpamanya di Malaysia, walaupun semua negeri mensyaratkan bahawa setiap permohonan untuk berpoligami mesti mendapat kebenaran bertulis dari mahkamah Syariah namun bagi kebanyakan negeri telah memperuntukkan beberapa syarat lain yang perlu dipatuhi oleh Mahkamah Syariah sebelum sesuatu permohonan poligami diluluskan¹²². Sebagai contoh di Wilayah Persekutuan, Seksyen 23(3) Akta Wilayah¹²³ telah memperuntukkan bahawa:

Permohonan untuk kebenaran hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan suatu akuan menyatakan alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu patut dan perlu, pendapatan pemohon pada masa itu, butir-butir komitmennya dan kewajipan dan tanggungan kewangannya yang patut ditentukan, bilangan orang tanggungannya, termasuk orang-orang yang akan menjadi orang tanggungannya berikutan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu, dan samada izin atau pandangan isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada telah diperolehi atau tidak terhadap perkahwinan yang dicadangkan itu.

¹²²Lihat dalam Raihanah Haji Abdullah (1997), *op.cit.*, h. 171.

¹²³Seksyen 23(3), Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

Dalam subseksyen 3 ini didapati Akta Wilayah telah memperuntukkan beberapa syarat lain yang perlu dipatuhi oleh Mahkamah Syariah sebelum sesuatu permohonan poligami itu diluluskan. Setiap pemohon poligami mestilah melengkapkan borang permohonan poligami dengan memberikan maklumat-maklumat yang dikehendaki sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen ini.

Selain itu, di bawah Seksyen 23(4) Akta Wilayah¹²⁴ pula telah memperuntukkan:

Apabila menerima permohonan itu, Mahkamah hendaklah, memanggil pemohon dan isteri-isterinya yang sedia ada supaya hadir apabila permohonan itu didengar, yang hendaklah dilakukan dalam Mahkamah tertutup.

Berdasarkan kepada subseksyen 4 ini, Mahkamah bertanggungjawab mengeluarkan surat saman kepada isteri yang sedia ada untuk hadir ke Mahkamah bagi mendengar permohonan poligami yang telah dikemukakan oleh suami mereka. Melalui peruntukan ini isteri yang sedia ada dengan sendirinya akan mengetahui bahawa suaminya ingin berpoligami. Walau bagaimanapun dalam Undang-Undang Keluarga Islam tidak diperuntukkan agar mendapat tandatangan isteri yang sedia ada bagi membenarkan poligami diteruskan. Suami hanya perlu membuat pengakuan samada permohonan poligami itu mendapat persetujuan atau tidak daripada isteri yang sedia ada.

¹²⁴Seksyen 23(4), Akta Undang-Undang keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

Selain itu, Mahkamah Wilayah Persekutuan berkuasa untuk meluluskan permohonan poligami sekiranya pemohon dapat memenuhi syarat sebagaimana yang terdapat dalam seksyen 23(4) (a)(b)(c)(d):¹²⁵

- (a) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah patut dan perlu, memandangkan kepada antara lain hal-hal keadaan yang berikut, iaitu kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk persetubuhan, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk memulihkan hak-hak persetubuhan atau gila di pihak isteri atau isteri-isteri yang sedia ada;
- (b) bahawa pemohon mempunyai kemampuan yang membolehkan dia menaunggung, sebagaimana dikehendaki oleh Hukum Syara', semua isteri dan orang tanggungannya berikut dengan perkahwinan yang dicadangkan itu;
- (c) bahawa pemohon akan berupaya memberi layanan sama rata kepada semua isterinya mengikut kehendak Hukum Syara';
- (d) bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu tidak akan menyebarkan darar syarie kepada isteri-isteri yang sedia ada;

Ini bermakna, melalui peruntukan yang jelas dalam Akta Wilayah, Mahkamah telah diberikan satu garis panduan dalam meluluskan atau menolak setiap permohonan poligami berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah diperuntukkan.

Dari sini dapatlah dilihat terdapat perbezaan antara peruntukan poligami di bawah EUPKIT dengan Akta Wilayah. Di Terengganu, peruntukan mengenai poligami hanya dinyatakan di bawah seksyen 21 iaitu setiap permohonan mestilah mendapat kebenaran Hakim Syar'i. Syarat-syarat lain yang mesti dipenuhi oleh pemohon poligami(seperti yang terdapat dalam seksyen 23(4)(a)(b)(c)(d), Akta

¹²⁵ Seksyen 23(4)(a)(b)(c)(d), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

Wilayah) tidak dinyatakan secara terang di bawah peruntukkan undang-undang. Malah Mahkamah tidak diberikan panduan secara statut untuk meluluskan atau menolak sebarang permohonan untuk berpoligami. Justeru itu, dengan ketiadaan peruntukkan syarat-syarat bagi pemohon poligami sebagaimana yang terdapat di negeri-negeri lain, kelulusan permohonan poligami di Terengganu dikatakan agak longgar berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Namun begitu, menurut Hakim Mahkamah Rendah Syariah¹²⁶, walaupun dalam EUPKIT tidak memperuntukkan syarat-syarat sebagaimana yang terdapat di negeri-negeri lain, kelulusan permohonan poligami di Terengganu tidaklah semudah yang disangkakan. Di Terengganu, Hakim mempunyai bidang kuasa yang luas untuk menilai setiap permohonan poligami. Hakim berhak memanggil isteri yang sedia ada untuk memberikan keterangan sekiranya terdapat keraguan terhadap butir-butir yang diberikan oleh pemohon. Namun begitu, ini bukanlah bermakna Hakim perlu mendapatkan persetujuan isteri sebelum meluluskan permohonan poligami. Beliau menegaskan bahawa kelulusan atau penolakan sesuatu permohonan itu adalah terletak pada budi bicara mahkamah dalam menentukannya. Dalam bahagian terakhir iaitu bahagian am, di bawah Seksyen 132(2)¹²⁷ telah diperuntukkan dengan jelas bahawa:

Mengenai perkara amalan dan prosedur dalam prosiding hal-hal suami-isteri yang tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Enakmen ini atau dalam apa-apa kaedah yang dibuat di bawah Enakmen ini atau dalam Enakmen Pentadbiran, Mahkamah boleh memakai apa-apa amalan dan prosedur yang difikirkannya wajar bagi mengelakkan ketidakadilan dan bagi

¹²⁶Tuan S, ed Ahmad, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, temubual pada 17 September 2001, pukul 1.30 petang.

¹²⁷Seksyen 132(2), Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam, Terengganu (Bil.12/1985).

menyelesaikan perkara-perkara yang dipersoalkan antara pihak-pihak yang berkenaan.

Daripada penelitian keterangan-keterangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat sedikit perbezaan antara peruntukan undang-undang poligami di bawah EUPKIT dengan Wilayah Persekutuan terutama mengenai syarat-syarat berpoligami yang tidak diperuntukkan secara statut dalam undang-undang. Ini telah menimbulkan persoalan tentang kelonggaran kebenaran poligami di Terengganu.

Walaupun Hakim mempunyai bidangkuasa yang luas dalam meluluskan sesuatu permohonan poligami, namun sekurang-kurangnya Hakim patut diberikan panduan yang statut dalam menilai sesuatu permohonan agar tidak menimbulkan sebarang penipuan terutama dalam menilai kemampuan suami untuk berpoligami. Bahkan dengan ketiadaan syarat sebagaimana syarat di bawah Seksyen 23(3) dan Seksyen 23(4), Akta Wilayah(seperti yang telah dinyatakan), kemungkinan besar isteri yang sedia ada tidak mengetahui bahawa suaminya sudah berkahwin lagi. Ini adalah kerana, dalam EUPKIT tidak disyaratkan agar isteri pertama menghadirkan diri ketika perbicaraan permohonan poligami dijalankan. Hal sebegini akan merumitkan lagi keadaan apabila ia terbongkar dan mungkin akan timbul sebarang masalah di kemudian hari.

Namun begitu, walaupun peraturan poligami di Terengganu dikatakan agak longgar, masih lagi terdapat kes-kes perkahwinan poligami di luar kebenaran Mahkamah. Kebanyakan mereka berkahwin di Selatan Thailand untuk mengelakkan sebarang halangan daripada keluarga. Walau apa jua alasan sekalipun, di bawah EUPKIT, perbuatan ini tetap dianggap sebagai satu kesalahan

di sisi undang-undang. Dalam Seksyen 120¹²⁸, iaitu bagi kesalahan dan hukuman poligami tanpa kebenaran Hakim Syar'i telah memperuntukkan:

Jika seseorang lelaki berkahwin dengan seorang perempuan lain di mana-mana tempat dalam masa dia masih beristerikan isterinya yang sedia ada tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu dari Hakim Syar'i, maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Ini bermakna di Terengganu, poligami di luar kebenaran Mahkamah adalah menjadi satu kesalahan dan akan dikenakan denda tidak melebihi RM1000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Bagaimanapun, untuk mengelakkan daripada berlaku sebarang masalah kepada mereka pada masa akan datang, perkahwinan di luar kebenaran Mahkamah ini mestilah didaftarkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Dalam temubual bersama Ustaz Haji Mohd. Shukri¹²⁹, beliau menerangkan bahawa perkahwinan tanpa kebenaran Mahkamah ini boleh disabitkan dengan tiga kesalahan iaitu; berkahwin tanpa kebenaran, poligami tanpa kebenaran dan berkahwin di luar mukim tanpa kebenaran. Mereka boleh dikenakan denda RM1000 bagi setiap kesalahan di atas.

Selain itu, terdapat peruntukkan undang-undang juga bagi mereka yang tidak memberi keadilan yang sewajarnya kepada isteri. Kesalahan ini telah dinyatakan di bawah Seksyen 125¹³⁰:

Seseorang yang tidak memberi keadilan yang sewajarnya kepada isterinya mengikut Hukum Syara' adalah melakukan

¹²⁸ Seksyen 120, Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam, Terengganu (Bil. 12/1985).

¹²⁹ Ustaz Haji Mohd. Shukri b. Haji Ali, Penolong Pesuruhjaya (embangunan Keluarga), Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, temubual pada 28 Oktober 2001 pukul 11.30 pagi.

¹³⁰ Seksyen 125, Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam, Terengganu (Bil. 12/1985).

suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Jelaslah di sini, terdapat beberapa peruntukan undang-undang mengenai poligami di bawah EUPKIT yang bertujuan untuk memastikan hal ehwal kekeluargaan berjalan mengikut lunas syariat. Walau bagaimanapun, ketidakseragaman dalam beberapa peruntukan terutama mengenai syarat-syarat poligami (seperti yang telah dinyatakan) yang tidak disebut secara statut dalam undang-undang poligami di Terengganu telah menimbulkan kekeliruan dan dakwaan yang mengatakan undang-undang poligami di negeri ini adalah longgar berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

2.3 Prosedur Permohonan Poligami

Berdasarkan kepada peruntukan di bawah Seksyen 21, EUPKIT, kebenaran berpoligami hanya diluluskan setelah mendapat kebenaran bertulis dari Hakim Syar'i. Selain itu, bagi permohonan untuk berpoligami, mereka perlulah mengikuti prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.

Syarat utama bagi kelulusan permohonan poligami di Terengganu ialah salah seorang daripada pemohon itu hendaklah bermastautin di Terengganu. Mereka perlulah mendapatkan borang permohonan poligami, Borang 6 (Lihat Lampiran 2) di Mahkamah Rendah Syariah dengan bayaran yang telah ditetapkan beserta salinan-salinan yang diperlukan iaitu:

- a. Dua salinan kad pengenalan pemohon / plaintif.
- b. Dua salinan surat perakuan nikah / ruju'.

- c. Dua salinan surat beranak anak.
- d. Dua surat pengesahan perkahwinan (perkahwinan luar negara).
- e. Slip gaji pemohon / penyata pendapatan.
- f. Bayaran pendaftaran RM12.00 / RM7.00 / RM25.00.

Borang yang telah lengkap hendaklah diserahkan ke kaunter untuk pemprosesan (Lihat Lampiran 3). Dalam tempoh ini, pemohon perlulah menunggu surat panggilan daripada Mahkamah untuk perbicaraan. (Lihat Lampiran 4)

Melalui perbicaraan ini, hakim bertanggungjawab sepenuhnya untuk meluluskan atau menolak sesuatu permohonan poligami berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang diberikan. Dalam temubual bersama Tuan Syed Ahmad¹³¹, beliau menerangkan bahawa, dalam proses perbicaraan ini, hakim berhak memanggil atau tidak memanggil isteri yang sedia ada untuk memberi keterangan. Tambah beliau lagi, segala penilaian terhadap permohonan poligami ini adalah terletak kepada budi bicara hakim. Penilaian dibuat bukan sahaja dari segi kemampuan kewangan tetapi berdasarkan kepada setiap segi dan situasi.

Setelah perbicaraan selesai, Mahkamah Rendah Syariah akan mengeluarkan surat samada meluluskan atau menolak permohonan poligami itu. (Lihat lampiran 5). Bagi permohonan yang telah diluluskan, pemohon mestilah membawa kelulusan mahkamah ini beserta dengan salinan-salinan yang diperlukan (lihat lampiran 6) ke Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu untuk mendapat kebenaran berkahwin.

¹³¹Tuan Syed Ahmad, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu, temubual pada 17 September 2001, pukul 1.30 petang.

Pemohon hendaklah melengkapkan Borang 4 (lihat lampiran 7) iaitu borang kebenaran berkahwin yang telah disediakan. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu berhak meneliti semula permohonan itu untuk memastikan agar permohonan itu tidak menyalahi peruntukan di bawah Seksyen 36¹³² iaitu:

Jika seseorang, bagi maksud mendapatkan suatu perkahwinan dilakukan di bawah Enakmen ini, sengaja membuat sesuatu akuan atau pernyataan yang palsu, maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Setelah segalanya selesai, pemohon akan diberikan kebenaran untuk melangsungkan perkahwinan. Prosedur permohonan poligami ini kadangkala mengambil masa yang agak lama kerana setiap kes itu dibicarakan mengikut urutan permohonan. Di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu misalnya, terdapat tiga orang hakim yang mana mereka akan membahagikan kes-kes poligami itu mengikut giliran masing-masing. Berdasarkan kepada statistik poligami yang dikeluarkan, tidak semua kes poligami boleh diselesaikan dalam masa setahun.

2.4 Statistik Poligami Di Daerah Kuala Terengganu

Berdasarkan kepada sumber yang diperolehi daripada Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Kuala Terengganu didapati bahawa kes-kes poligami yang didaftarkan di Daerah Kuala Terengganu sentiasa meningkat dari setahun ke setahun. Jadual di bawah akan menunjukkan laporan secara terperinci statistik kes-

¹³²Seksyen 36, Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam, Terengganu (Bil.12/1985).

kes poligami yang didaftarkan mengikut tahun-tahun kebelakangan ini iaitu dari tahun 1995 hingga 2000.

Jadual 2.1: (Laporan Kes Poligami Di Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Kuala Terengganu)

Tahun	Kes Didaftar	Kes Dibicara	Kes Selesai	Kes Ditangguh
1995	85	85	85	-
1996	90	43	20	23
1997	94	94	85	7
1998	94	89	89	5
1999	71	40	30	45
2000	94	92	81	94

Sumber: (Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Kuala Terengganu)

Daripada jadual di atas didapati bahawa kes poligami yang didaftarkan dan selesaikan dibicarakan pada tahun 1995 ialah sebanyak 85 kes. Manakala bagi tahun 1996, sebanyak 90 kes didaftarkan dan ini menunjukkan sedikit peningkatan daripada tahun sebelumnya. Statistik poligami didapati semakin meningkat iaitu sebanyak 94 kes pada tahun 1997 dan 1998. Walau bagaimanapun, pada tahun 1999 kes yang didaftarkan agak menurun namun pada tahun 2000 statistik menunjukkan peningkatan semula iaitu sebanyak 94 kes. Daripada keseluruhannya, ia jelas menunjukkan peningkatan permohonan untuk berpoligami dari setahun ke setahun. Namun demikian, tidak semua kes-kes itu dapat dibicarakan dalam masa yang diperuntukkan. Banyak kes-kes yang ditangguhkan dahulu perbicaraannya dan dibawa pada tahun yang berikutnya.

Selain itu, menurut laporan daripada Mahkamah Rendah Syariah yang bertanggungjawab mengendalikan kes-kes Mal dan Jenayah, peningkatan kes-kes yang didaftarkan bukan sahaja bagi kes-kes poligami malahan bagi kes-kes Mal

yang lain seperti permohonan cerai, tuntutan cerai takliq, tuntutan nafkah eddah dan sebagainya juga menunjukkan peningkatan dari masa ke semasa.(Lihat lampiran 8 dan 9). Statistik juga menunjukkan Daerah Kuala Terengganu merupakan daerah yang paling banyak berlakunya kes-kes Mal. Manakala bagi daerah-daerah lain seperti Besut, Dungun, Hulu Terengganu, Kemaman, Marang dan Setiu didapati kes-kes yang didaftarkan agak berkurangan berbanding dengan Daerah Kuala Terengganu.(Lihat lampiran 10).

Begini juga bagi kes-kes poligami, permohonan yang didaftarkan di Daerah Kuala Terengganu adalah lebih tinggi dan semakin meningkat dari tahun ke setahun berbanding dengan daerah-daerah lain di Terengganu. Ini dapat dilihat daripada jadual di bawah:

Jadual 2.2: (Jumlah Poligami Mengikut Daerah Negeri Terengganu Bagi Tahun 1999 dan 2000).

Daerah	Tahun 1999	Tahun 2000
Besut	16	14
Dungun	29	27
Hulu Terengganu	9	11
Kemaman	35	44
Kuala Terengganu	80	94
Marang	30	31
Setiu	5	8
JUMLAH	204	229

Sumber: (Bilik Unit Informasi Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu)

Daripada jadual di atas, ia menunjukkan jumlah poligami yang telah didaftarkan di Daerah Kuala Terengganu adalah paling tinggi berbanding dengan

daerah-daerah lain di Terengganu. Menurut Ustaz Shukri¹³³, hal ini mungkin disebabkan oleh faktor persekitaran di mana Daerah Kuala Terengganu merupakan pusat tumpuan penduduk memandangkan ia adalah ibu negeri Terengganu dan populasinya tinggi berbanding dengan daerah-daerah yang lain.

Daripada keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa, statistik menunjukkan kes-kes poligami sentiasa meningkat dari tahun ke setahun dan Daerah Kuala Terengganu merupakan daerah yang paling tinggi permohonan untuk berpoligami. Oleh kerana banyak kes-kes permohonan poligami didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah, tidak kesemua kes itu dapat diselesaikan dengan segera. Persoalannya, adakah mereka yang mengamalkan poligami ini dapat melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga sebagaimana yang dituntut oleh syariat tanpa menyusahkan pihak-pihak yang terlibat atau sebaliknya?.

¹³³Ustaz Haji Mohd. Shukri b. Haji Ali, Penolong Pesuruhjaya (Pembangunan Keluarga), Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, temubual pada 28 Oktober 2001, pukul 11.30 pagi.